

**BAHAGIAN A**  
**OBJEKTIF (10 MARKAH)**

**Arahan:** tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan.

1. Apakah unsur seni yang terpenting dan merupakan aktiviti asas dalam melakar dan melukis?
  - A. Garisan
  - B. Warna
  - C. Jalinan
  - D. Rupa
  
2. Hujan turun lebatnya sehingga membasahi bumi. Titisan hujan tersebut boleh dikategorikan sebagai garisan jenis \_\_\_\_\_ .
  - A. Putus-putus
  - B. Berpancar
  - C. Berombak
  - D. Melengkung
  
3. Teknik garisan digunakan dalam penghasilan lukisan untuk menimbulkan \_\_\_\_\_ .
  - A. Rupa
  - B. Warna
  - C. Bentuk
  - D. Jalinan
  
4. Bentuk terdiri daripada dua jenis, iaitu bentuk ilusi dan \_\_\_\_\_ .
  - A. Bentuk sebenar
  - B. Bentuk jalinan
  - C. Bentuk ruang
  - D. Bentuk konkrit
  
5. Jalinan yang dapat dirasai melalui sentuhan dikenal sebagai \_\_\_\_\_ .
  - A. Jalinan tampak
  - B. Jalina sentuh
  - C. Rupa
  - D. Penegasan
  
6. Jalinan tampak ialah \_\_\_\_\_ .
  - A. Jalinan yang dapat disentuh dan dilihat

- B. Jalinan yang terdapat pada kulit pokok
  - C. Jalinan yang terdapat pada tayar kereta
  - D. Jalinan yang tidak dapat dirasai melalui sentuhan dan hanya boleh dilihat sahaja.
7. Jalinan sentuh boleh dipindahkan daripada satu objek ke permukaan rata yang lain melalui teknik \_\_\_\_\_ .
- A. Renjisan
  - B. Gosokan dan capan
  - C. Catan dan renjisan
  - D. Renjisan dan capan
8. Warna utama atau warna asas adalah terdiri daripada warna \_\_\_\_\_ .
- A. Biru , hijau dan, ungu
  - B. Merah, kuning dan hitam
  - C. Putih, biru, dan kelabu
  - D. Merah, kuning dan biru
9. Campuran dua warna asas akan menghasikan warna sekunder yang terdiri daripada warna \_\_\_\_\_
- A. Merah, hijau, jingga
  - B. Biru, merah, kuning
  - C. Hijau, jingga, ungu
  - D. Kuning, merah , hitam
10. Mengapakah perkataan pada papan tanda jalan raya menggunakan warna kontra?
- A. Keindahan
  - B. Menarik perhatian
  - C. Tujuan keselamatan
  - D. Mewujudkan kepelbagaian

**BAHAGIAN B**  
**STRUKTUR (10 MARKAH)**

**Arahan:** Pilih jawapan yang tepat dan isi pada ruang yang disediakan

**TAJUK: TEKNIK LUKISAN**

Teknik garisan selari	Imbangan	Teknik gosokan	Bentuk	Kesatuan
Teknik silang pangkah	Teknik Titik	Garisan	Jalinan	Kepelbagaian

1. Nyatakan empat teknik menghasilkan lukisan

A)	
B)	
C)	
D)	

2. Lengkapkan carta dibawah berkenaan bahasa seni visual

